

23 OCT 2003

FELDA-D'SAJI

FELDA CADANG D'SAJI BERKEMBANG KE LONDON

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Felda bercadang mengembangkan perkhidmatan catering anak syarikatnya "D'Saji" ke London selewat-lewatnya pada April tahun depan, kata Pengerusi Kumpulan Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor hari ini.

Beliau berkata, D'Saji ditawarkan oleh Jabatan Penuntut Malaysia, Malaysian Hall London untuk menyediakan perkhidmatan catering kerana prestasi memberangsangkan yang ditunjukkan oleh syarikat itu selama ini.

"Dengan pengembangan perkhidmatan D'Saji di London, ia akan menjadi asas kepada kita untuk mengembangkan pelbagai kegiatan Felda di luar negara, selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Felda menjadi jenama antarabangsa" katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis promosi bufet Ramadan dan berbuka puasa D'Saji di sini.

Rekod baik D'Saji yang menyediakan perkhidmatan catering sememangnya dikenali oleh peminat makanan tradisional Malaysia, sama ada masyarakat tempatan mahupun luar negara.

D'Saji memang sudah diketahui lama dan keputusan untuk mengembangkan perkhidmatan ke luar negara atas permintaan masyarakat Malaysia di London memang sudah tiba masanya, kata beliau.

Mohd Yusof berkata London menjadi pilihan pertama untuk mengembangkan perkhidmatannya kerana permintaan yang tinggi.

D'Saji yang berpengalaman selama 10 tahun dalam bidang catering mempunyai lebih 130 orang pekerja dan 60 peratus daripadanya adalah anak-anak peneroka Felda yang menjawat pelbagai jawatan berdasarkan kelulusan.

Perkhidmatan bufet berbuka puasa Ramadhan D'Saji itu adalah yang kedua kali diadakan.

Seramai 11,000 orang menggunakan perkhidmatan catering D'Saji untuk berbuka puasa sepanjang Ramadhan tahun lepas.

Tahun ini sebanyak 60 pelbagai resepi masakan disediakan meliputi menu makanan tempatan pelbagai kaum dengan harga RM36 seorang dewasa dan RM20 seorang kanak-kanak.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.felda.net.my/dsaji -- BERNAMA
AY MFJ BK AA